

**SUMBANGAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU SEKOLAH
RENDAH TERHADAP AMALAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN
BILIK DARJAH DI KOTA KINABALU, SABAH**

**Abdul Said Ambotang
Christina Andin
Norhamimah Minduru**
Universiti Malaysia Sabah

Corresponding Author's Email: said@ums.edu.my

Article History:

Received : 12 October 2021
Accepted : 22 October 2021
Published : 30 December 2021

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sumbangan atau hubungan pengetahuan dan kemahiran guru sekolah rendah terhadap amalan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) di daerah Kota Kinabalu Sabah. Pentaksiran Bilik Darjah di peringkat sekolah rendah mula diperkenalkan pada tahun 2016 dalam era kurikulum yang baharu yakni Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Sebelum PBD diperkenalkan dan dilaksanakan di peringkat sekolah rendah, dulunya ia dikenali sebagai pentaksiran sekolah (PS) yang diperkenalkan pada tahun 2011, yang mana ia adalah merupakan salah satu komponen dalam bidang akademik pentaksiran induk iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam berbentuk tinjauan menggunakan instrumen soal selidik bagi mendapatkan data. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam pelaksanaan PBD yang mana skor min untuk pengetahuan guru (min=3.87), kemahiran guru (min=3.79) tetapi sederhana untuk pelaksanaan PBD (min=3.24). Manakala Hasil dapatan korelasi antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan yang lemah dan sederhana untuk aspek pelaksanaan PBD. Ini berkemungkinan terjadi kesan daripada pandemik Covid-19 yang mana pelaksanaannya di sekolah tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Kata Kunci: Pengetahuan Guru, Kemahiran Guru, Pentaksiran Bilik Darjah

CONTRIBUTION OF KNOWLEDGE SKILLS OF PRIMARY SCHOOL TEACHER TO THE PRACTICE ASSESSMENT IMPLEMENTATION IN KOTA KINABALU, SABAH

Abstract

This study aims to examine the contribution or relationship of knowledge and skills of primary school teachers to the implementation practice of classroom assessment (CA) in the district of Kota Kinabalu Sabah. Classroom assessment at the primary school level was first introduced in 2016 in a new curriculum era, namely the Primary School Standard Curriculum (KSSR). Before PBD was introduced and implemented at the primary school level, it was previously known as school assessment (SA) which was introduced in 2011, which is one of the components in the academic field of master assessment, namely School Based Assessment (SBA). This study uses a quantitative method in the form of a survey using a questionnaire instrument to obtain data. Data were analyzed using SPSS software. Data were analyzed using descriptive statistics and inferential statistics. The findings showed that teachers have high knowledge and skills in the implementation of PBD which mean score for teacher knowledge (mean=3.87), teacher skills (mean=3.79) but moderate for the implementation of PBD (mean=3.24). While the results of the correlation between the independent variables and dependent variables also show that there is a significant relationship that is weak and moderate for aspects of PBD implementation. This is likely to be the result of the Covid-19 pandemic whose implementation in schools could not be fully implemented.

Keywords: *Teacher's Knowledge, Teacher's Skills, Classroom Assessment*

PENGENALAN

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) di peringkat sekolah rendah mula diperkenalkan pada tahun 2016 dalam era kurikulum yang baru yakni Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Sebelum PBD diperkenalkan dan dilaksanakan di peringkat sekolah rendah, dulunya ia dikenali sebagai pentaksiran sekolah (PS) yang diperkenalkan pada tahun 2011, yang mana ia adalah merupakan salah satu komponen dalam bidang akademik pentaksiran induk iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

PBD sekolah rendah adalah berbeza dengan PBS kerana PBD berlaku secara berterusan sepanjang pengajaran dan pembelajaran (PdP) tanpa membandingkan tahap penguasaan antara murid tetapi semata-mata untuk memperkembangkan penguasaan murid dan menambah baik pengajaran guru (Arumugham, 2019). Melalui PBD, guru boleh mengesan perkembangan murid secara menyeluruh, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid, merancang dan mengetahui keberkesanan pengajaran, merancang dan mengubah suai kaedah pengajaran dan seterusnya mengambil tindakan susulan yang sesuai dengan serta merta. Oleh yang demikian, guru-guru perlu lebih berpengetahuan dan berkemahiran untuk melaksanakan PBD demi merealisasikan pengurusannya berjalan lancar, sistematik dan berkesan (Yuhanis, 2015).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sistem pendidikan dalam Negara sering mengalami proses transformasi demi penambahbaikan dalam bidang pendidikan seiring masa dan kemajuan teknologi yang sedia ada agar mampu bersaing di persada pendidikan dunia yang semakin mencabar Nurfirdawati *et al.*, 2009). Transformasi yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan kebangsaan telah merubah kurikulum persekolahan yang sedia ada yang melibatkan perubahan bentuk, organisasi, kandungan, pedagogi, peruntukan masa, kaedah pentaksiran, bahan, dan pengurusan kurikulum di sekolah (Norsyuhadah, 2013). Demikian juga dengan kaedah pentaksiran yang terkini telah ditambahbaik demi merealisasikan hasrat KPM yang ingin melahirkan modal insan yang mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Perbandingan PBS lama (traditional) yang dilaksanakan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) sebelum menjalani transformasi, pelaksanaannya lebih tertumpu kepada 4 mata pelajaran utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Pendidikan Islam. PBS lama ini direkod dalam borang pentaksiran manual yang terbahagi secara berasingan iaitu Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) dan *School Based of Assessment* (SBOA) untuk mata pelajaran Bahasa, Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dalam Pendidikan Islam dan Penilaian Kerja Amali (PeKA) bagi mata pelajaran Sains. Menurut Norshafinaz dan Faridah (2018) cara pelaksanaan PBS lama ini adalah dengan merekod secara manual dan pencapaian murid dilaporkan dalam bentuk skor yang kemudiannya pelaporan akhir akan dihantar untuk dimasukkan dalam keputusan UPSR. Skor pentaksiran yang dihantar, grednya ditentukan sepenuhnya oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Guru sebagai pentaksir tidak akan tahu berapakah purata skor yang sebenar untuk gred-gred tersebut? Pentaksiran tradisional itu dikatakan kurang memberi gambaran tentang proses perkembangan pembelajaran seseorang pelajar kerana gred pencapaian akhir tidak dapat menunjukkan proses perkembangan pembelajaran seseorang pelajar (Yuslani dan Kamarul Shukri, 2015). Tambahan pula pentaksiran tradisional yang standard dianggap kurang sesuai untuk mengukur perkembangan pembelajaran pelajar yang mempunyai budaya dan kebolehan yang berbeza (Black & Wiliam, 2009). Menyedari hakikat ini, kebanyakan negara-negara maju telah memperkenalkan PBS untuk menggantikan pentaksiran tradisional.

PERNYATAAN MASALAH


Guru perlu fokus dan melengkapkan diri daripada segi mental dan fizikal untuk melaksanakan PBD dengan lebih berkesan. Siasatan terhadap amalan pentaksiran guru menunjukkan bahawa guru-guru tidak bersedia untuk memenuhi permintaan untuk melaksanakan pentaksiran di dalam kelas kerana tidak mempunyai latihan mencukupi. Menurut Campbell (2013), guru tidak yakin untuk melaksanakan pentaksiran di dalam kelas kerana tidak mempunyai pengetahuan berkaitan pentaksiran dan kemahiran dalam melaksanakan pentaksiran.

Guru juga harus jelas dan mengetahui objektif pelaksanaan PBD agar dapat menghayati kebaikannya dan seterusnya bersungguh-sungguh melaksanakannya hingga mampu mengembangkan potensi murid ke tahap yang maksimum selaras dengan pelaporan di hujung PdP pada akhir tahun dan bukan hanya sekadar menghasilkan sekeping kertas sahaja (Jacob dan Parkinson, 2015). Ketidaksungguhan guru yang sambil lewa dalam menaksir akan menjejaskan seluruh sistem pentaksiran (Needham, 1987; Noorzeliana dan Norazilawati, 2014). Penilaian murid hanya akan terlaksana dalam sekeping kertas sahaja tanpa penilaian telus dalam mengembangkan potensi murid.

Menurut Sofwan *et al.*, (2015), maklumat yang tidak mencukupi atau kurang kefahaman dan kurang latihan yang relevan merupakan cabaran dalam amalan pentaksiran di sekolah. Dengan penguasaan pelaksanaan PBD dan juga subjek yang diajar, maka proses pelaksanaan penilaian PBD dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan demi menghasilkan sebuah produk yang berkualiti. Dengan demikian, hasrat untuk memperkembangkan potensi murid dapat direalisasikan dan dihasilkan bersesuaian dengan hasrat KPM itu sendiri yang ingin melahirkan modal insan yang mampu berdaya saing di persada antarabangsa (Noor Dayana dan Nurfatin Atikah, 2012).

Rajah 1.0 menunjukkan rekod pelaporan pelaksanaan PBD di salah sebuah sekolah rendah terpilih di daerah Kota Kinabalu. Terdapat murid tahun satu dan tahun lima yang tidak melaksanakan PBD kerana ketidakhadiran yang berpanjangan sehingga tidak membolehkan pentaksiran dilaksanakan.

Rajah 1.0: Rekod Pelaporan Pelaksanaan PBD



Sumber: SK XXX Daerah Kota Kinabalu

Guru harus sentiasa siap sedia untuk menerima dan melaksanakan sebarang perubahan serta memantapkan pengetahuan seiring perubahan. Perubahan tidak akan berlaku jika guru tidak yakin tentang keperluan untuk berubah dan bersedia untuk berubah paradigma (Norazilawati *et al.*, 2012). Ini adalah kerana PBD itu adalah satu pentaksiran yang lebih bermakna, authentic (sahih) dan robust (kukuh). Demikian juga dengan hasil dapatan Sh. Siti Hauzimah (2019), beliau menyatakan bahawa pihak sekolah sepatutnya mengadakan pelbagai kursus dan latihan berkaitan PBD agar pelaksanaannya dapat dijalankan secara berkesan dan sah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan pengetahuan dan kemahiran guru sekolah rendah dengan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di daerah Kota Kinabalu. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui perbezaan pengetahuan guru sekolah rendah, kemahiran guru sekolah rendah dan pelaksanaan PBD.
2. Mengetahui hubungan antara pengetahuan guru sekolah rendah dengan pelaksanaan PBD.
3. Mengetahui hubungan antara kemahiran guru sekolah rendah dengan pelaksanaan PBD.

REKA BENTUK KAJIAN

Pada umumnya reka bentuk kajian adalah bertujuan untuk membimbing pengkaji kearah mendapatkan maklumat dalam kajian. Pengumpulan data daripada kumpulan sasaran yang dikaji dengan menggunakan satu set borang soal selidik merupakan cara penyelidikan menggunakan kaedah tinjauan.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan dengan menggunakan satu set borang soal selidik. Menurut Creswell (2008), reka bentuk kajian tinjauan merupakan kaedah dalam kajian kuantitatif yang memerlukan pengkaji melakukan tinjauan ke atas populasi dan sampel.

Borang soal selidik ini adalah berfokus kepada pengetahuan dan kemahiran guru (responden) terhadap pelaksanaan PBD di sekolah kebangsaan di Daerah Kota Kinabalu. Borang soal selidik ini menjadi pilihan kerana ia memudahkan untuk pengumpulan maklumat serta ia sesuai untuk bilangan responden yang ramai.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

Jadual 1.0 berikut, menunjukkan pelaksanaan pentaksiran PBD berdasarkan skor min. Berdasarkan jadual, dapatan analisis menunjukkan bahawa 10 item yang digunakan untuk mengukur tahap pelaksanaan PBD oleh guru di mana semua min item di antara 2.48 hingga 3.55. Min item yang paling rendah adalah item kesepuluh ($M=2.48$). Item ini merujuk kepada perihal ketidaksungguhan guru dalam melaksanakan PBD. Manakala min item yang paling tinggi adalah item satu ($M=3.55$). Item ini berkaitan kesukaran guru melaksanakan PBD kerana masalah kehadiran murid ke sekolah. Purata min sebanyak ($M=3.24$) menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan PBD oleh guru berada pada tahap sederhana.

Jadual 1.0: Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Berdasarkan Skor Min

Item	Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
D1	Saya sukar melaksanakan PBD kerana masalah kehadiran murid ke sekolah.	3.55	1.066	Sederhana
D2	Saya sukar menghabiskan sukatan pelajaran dalam tempoh yang ditetapkan kerana penilaian PBD yang terpaksa diulang sehingga mencapai TP maksima.	3.20	1.110	Sederhana
D3	Saya sukar dalam mengulang penilaian PBD kerana kekangan masa.	3.23	1.186	Sederhana
D4	Saya sukar menyelesaikan proses PBD kerana jumlah murid yang ramai.	3.41	1.233	Sederhana

D5	Saya sukar mengulang secara lanjut pentaksiran kerana penilaian TP PBD yang banyak.	3.30	1.137	Sederhana
D6	Saya tertinggal banyak masa untuk merancang pentaksiran murid kerana bebanan semakin bertambah apabila saya memegang jawatan - jawatan penting di sekolah.	3.45	1.041	Sederhana
D7	Saya sukar dalam menyimpan evidens murid yang banyak.	3.20	1.214	Sederhana
D8	Saya sukar melaksanakan aktiviti PBD kerana masa PdP yang terhad.	3.38	1.154	Sederhana
D9	Saya sukar mengemaskini rekod pelaporan PBD pada masa PdP berlangsung.	3.27	1.231	Sederhana
D10	Saya menghadapi kesukaran kerana ketidaksungguhan saya dalam menaksir telah menjejaskan seluruh sistem pentaksiran PBD saya.	2.48	1.196	Sederhana
Purata			3.24	Sederhana

B. Analisis Tahap Pengetahuan

Jadual 2.0 berikut, menunjukkan tahap pengetahuan guru berdasarkan skor min. Berdasarkan jadual, dapatan analisis menunjukkan bahawa 12 item yang digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan guru di mana semua min item di antara 1.65 hingga 4.24. Min item yang paling rendah adalah item kesepuluh (M=1.65). Item ini merujuk kepada perihal pengetahuan berkaitan pelaksanaan PBD tidak berpandukan garis panduan KPM. Manakala min item yang paling tinggi adalah item kesembilan (M=4.24). Item ini berkaitan pengetahuan pemberian nilai TP mengikut DSKP. Purata min sebanyak (M=3.87) menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru berada pada tahap tinggi.

Jadual 2.0: Tahap Pengetahuan Responden Berdasarkan Skor Min

Item	Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
P1	Saya laksanakan PBD semasa proses PdP.	4.07	.912	Tinggi
P2	Saya tahu bahawa kriteria PBD berdasarkan arahan dalam buku Panduan Pelaksanaan PBD yang disediakan oleh KPM.	4.04	.958	Tinggi
P3	Saya tahu pelaksanaan PBD dapat membantu meningkatkan pencapaian murid.	4.09	.876	Tinggi
P4	Saya tahu PBD berlaku secara sumatif dan formatif yang menilai tahap perkembangan kemajuan murid.	4.11	.901	Tinggi
P5	Saya tahu dalam melaksanakan PBD, pihak sekolah haruslah menguruskan dokumen masing-masing.	4.11	.903	Tinggi

P6	Saya tahu sekolah wajib melaksanakan PBD bagi semua mata pelajaran mulai 2017.	4.04	.955	Tinggi
P7	Saya tahu PBD memberi penekanan kepada bentuk pentaksiran yang mengukur penguasaan kemahiran berbanding penguasaan kandungan mata pelajaran.	3.71	1.070	Tinggi
P8	Saya tahu pihak sekolah perlu menubuhkan Jawatankuasa PBD yang terdiri daripada pentaksir, penyelaras dan pemantau dalaman bagi memastikan PBD dikendalikan mengikut prosedur ditetapkan.	4.13	1.010	Tinggi
P9	Saya tahu setiap nilai TP diberi perlu mengikut dokumen standard kurikulum dan pentaksiran.	4.24	.949	Tinggi
P10	Saya tahu PBD dilaksanakan tidak berpandukan garis panduan yang ditetapkan oleh KPM.	1.65	.522	Rendah
P11	Saya telah mengikuti latihan/ kursus berkaitan kaedah pelaksanaan PBD di peringkat sekolah rendah.	4.00	.949	Tinggi
P12	Saya tahu PBD dinilai secara berterusan, direkodkan dan dilaporkan secara berkala.	4.20	.926	Tinggi
Purata			3.87	Tinggi

C. Analisis Tahap Kemahiran

Jadual 3.0 menunjukkan tahap kemahiran guru berdasarkan skor min. Berdasarkan jadual berikut, dapatan analisis menunjukkan bahawa dua belas item yang digunakan untuk mengukur tahap kemahiran guru di mana semua min item di antara 1.73 hingga 4.18. Min item yang paling rendah adalah item kesepuluh (M=1.73). Item ini merujuk kepada perihal tidak mengendalikan TP dan evidens murid berdasarkan sukatan pelajaran. Manakala min item yang paling tinggi adalah item satu (M=4.18). Item ini merujuk kepada perihal menetapkan objektif pentaksiran yang hendak diuji semasa membina instrumen pentaksiran oleh guru. Purata min sebanyak (M=3.79) menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru berada pada tahap tinggi.

Jadual 3.0: Tahap Kemahiran Guru Berdasarkan Skor Min

Item	Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
M1	Saya menetapkan objektif pentaksiran yang hendak diuji semasa membina instrumen pentaksiran.	4.18	.841	Tinggi
M2	Saya menjadikan Dokumen Standard Prestasi Pentaksiran sebagai panduan terbaik untuk Tahap 1 dan DSKP untuk Tahap 2.	4.11	.885	Tinggi
M3	Saya mengubahsuai pentaksiran semasa PdP dijalankan di dalam kelas mengikut aras murid.	4.06	.898	Tinggi

M4	Saya mempelbagaikan kaedah pentaksiran yang bersesuaian ketika mentaksir murid.	4.12	.902	Tinggi
M5	Saya mempelbagaikan instrumen pentaksiran yang bersesuaian ketika mentaksir murid.	4.00	.881	Tinggi
M6	Saya merujuk kepada DSP dan DSKP untuk menentukan tahap penguasaan murid.	4.14	.893	Tinggi
M7	Saya memberitahu murid bahawa mereka akan ditaksir sebelum taksiran dilaksanakan.	3.57	1.242	Sederhana
M8	Saya melakukan pentaksiran sendiri dan menentukan tahap penguasaan murid.	3.95	.881	Tinggi
M9	Saya meningkatkan kemahiran mentaksir setelah menjalankan beberapa kali pentaksiran.	3.94	.887	Tinggi
M10	Saya tidak mengendalikan tahap penguasaan dan evidens murid berdasarkan sukatan pelajaran.	1.73	.504	Rendah
M11	Saya merekodkan prestasi murid secara teratur.	3.99	.886	Tinggi
M12	Saya telah mengikuti latihan/ kursus berkaitan membina instrument PBD di peringkat sekolah rendah.	3.66	1.050	Sederhana
Purata			3.79	Tinggi

D. Hubungan antara Pemboleh Ubah

Bagi mengenal pasti hubungan antara pengetahuan guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah, data telah dianalisis dengan menggunakan kaedah kolerasi *Pearson*.

H_0^2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru sekolah rendah dengan pelaksanaan PBD.

Keputusan nilai koefisien ujian korelasi *Pearson* bagi jumlah sampel kajian ($n = 350$) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.0, membuktikan wujudnya hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan guru dan pelaksanaan PBD walau pun lemah. Jumlah sampel kajian boleh dikatakan mewakili populasi. Makanya, hipotesis nul (H_0^2) ditolak kerana terdapat hubungan yang lemah ($r = 0.286$). Dapatan kajian diperincikan dalam Jadual 4.0 berikut:

Jadual 4.0: Data Korelasi Pengetahuan Guru dengan Pelaksanaan PBD

		Pengetahuan	Pelaksanaan PBD
Pengetahuan	Korelasi <i>Pearson</i>	1	.286**
	Sig. (2-hujung)		.001
	N	350	350
Pelaksanaan PBD	Korelasi <i>Pearson</i>	.286**	1
	Sig. (2-hujung)	.001	
	N	350	350

** Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung).

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru sekolah rendah dengan pelaksanaan PBD.

Ho³ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru sekolah rendah dengan pelaksanaan PBD.

Keputusan nilai koefisien ujian korelasi Pearson bagi jumlah sampel kajian ($n = 350$) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.0 membuktikan wujudnya hubungan positif tetapi lemah yang signifikan antara kemahiran guru dan pelaksanaan PBD. Jumlah sampel kajian boleh dikatakan mewakili populasi. Makanya, hipotesis nul (Ho³) ditolak kerana terdapat hubungan yang lemah ($r=0.323$). Dapatan kajian diperincikan dalam Jadual 5.0 berikut:-

Jadual 5.0 : Data Korelasi Kemahiran Guru dengan Pelaksanaan PBD

	Kemahiran	Pelaksanaan PBD
Kemahiran	Korelasi <i>Pearson</i>	1
	Sig. (2-hujung)	.323**
	N	350
Pelaksanaan PBD	Korelasi <i>Pearson</i>	.323**
	Sig. (2-tailed)	.001
	N	350

** . Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung).

PERBINCANGAN

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

Secara keseluruhan, nilai min pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) yang tertinggi direkodkan oleh item satu iaitu sukar melaksanakan PBD kerana masalah kehadiran murid ke sekolah. Ini menunjukkan bahawa ramai responden yang bersetuju bahawa masalah kehadiran murid yang ada pasang surutnya memberikan kesukaran dalam melaksanakan proses PBD dengan berkesan. Keadaan ini bertambah rumit lagi apabila guru menghadapi kekangan masa untuk merancang pentaksiran selanjutnya, lebih-lebih lagi apabila memegang jawatan-jawatan penting di sekolah. Ini boleh diperhatikan pada hasil dapatan skor min kedua yang tertinggi pada item enam. Ini diikuti oleh item empat yang skor min ketiga tertinggi iaitu sukar menyelesaikan proses PBD kerana jumlah murid yang ramai.

PBD, proses pelaksanaan dan penilaiannya adalah secara berulang untuk meningkatkan atau mengembangkan potensi seseorang murid. Maka, untuk mencapai hasrat tersebut kehadiran murid haruslah konsisten agar penilaian pentaksiran lebih lanjut dapat dirancang dan seterusnya dilaksanakan oleh guru. Perancangan yang teliti juga perlu dibuat oleh guru yang perlu mengambil kira tempoh masa pelaksanaan sesuai rancangan pengajaran tahunan dan DSKP (Abdul Said & Shanti, 2017). Jumlah murid yang ramai dalam satu-satu kelas mengakibatkan penilaian PBD yang lebih lanjut dalam tempoh masa yang diberikan menyukarkan pelaksanaannya untuk setiap murid.

Manakala, item sepuluh iaitu menghadapi kesukaran kerana ketidaksungguhan dalam menaksir telah menjejaskan seluruh sistem pentaksiran PBD mempunyai skor min yang paling rendah. Ini menjelaskan bahawa para guru memberikan sepenuh komitmen untuk melaksanakan PBD dengan sebaiknya. Kesungguhan guru dalam melaksanakan PBD ini diperkuatkan dalam item tujuh dan item dua di mana kedua-dua item ini mempunyai skor min yang sama dan

merupakan kedua terendah selepas item sepuluh. Penyimpanan evidens yang banyak dan menghabiskan sukatan pelajaran dalam tempoh yang ditetapkan bukanlah menjadi kekangan untuk melaksanakan PBD. Guru mempunyai kaedah tersendiri dalam penyimpanan evidens dan menghabiskan sukatan pelajaran dalam tempoh yang ditetapkan. Menurut Zahari *et.al*, (2020). Walaupun ada kekangan lain, namun kesungguhan guru untuk melaksanakan PBD menjadi asas kukuh ke arah merealisasikan hasrat KPM dalam mengembangkan potensi murid dan melahirkan modal insan yang bersifat holistik.

Purata keseluruhan skor min untuk pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) berada dalam tahap sederhana tinggi. Pelaksanaan PBD ini telah mula diterapkan di sekolah secara beransur-ansur sejak tahun 2017 lagi. Maka, terdapat progress yang positif dalam pelaksanaannya di sekolah berbanding pada awal tahun penerapannya. Hasil kajian lepas yang dilaksanakan oleh Sh. Siti Hauzimah (2019), memberikan hasil purata keseluruhan skor min pada tahap tinggi untuk masalah dalam pelaksanaan proses PBD. Walau pun sedikit perubahan daripada tinggi ke sederhana tinggi, namun perubahan ini membuktikan bahawa terdapat perkembangan yang baik dan positif dalam pelaksanaan PBD di sekolah rendah.

Analisis Tahap Pengetahuan

Berdasarkan hasil dapatan dalam bab empat, secara keseluruhan didapati bahawa skor min tahap pengetahuan guru adalah sederhana tinggi. Nilai skor min yang paling tinggi adalah item sembilan. Dapatan ini disokong oleh (Fauziah, 2016), (Afinde, 2016) dan (Jum Anidar, 2018), yang menunjukkan bahawa para guru tahu bagaimana untuk memberi nilai tahap penguasaan (TP) mengikut dokumen yang telah ditetapkan oleh KPM. Guru juga tahu bahawa PBD ini adalah secara berterusan, direkodkan dan dilaporkan secara berkala kerana skor min untuk item dua belas ini adalah yang kedua tinggi. Melalui kedua-dua item ini, menunjukkan bahawa guru itu berpengetahuan dalam proses pelaksanaan PBD. Ini disebabkan oleh kursus berkaitan kaedah pelaksanaan PBD di peringkat sekolah telah dihadiri guru. Ini ditunjukkan dalam item sebelas yang ketiga tinggi skor min selepas item Sembilan dan dua belas.

Manakala skor min yang paling rendah pula adalah merupakan item gangguan untuk item-item pengetahuan yang lain iaitu tahu PBD dilaksanakan tidak berpandukan garis panduan yang ditetapkan oleh KPM. Item ini diwujudkan untuk mengetahui ketelusan responden dalam memberikan maklum balas. Oleh sebab itu, melalui skor min item ini membuktikan bahawa responden memberikan maklum balas yang telus dan seterusnya menyatakan bahawa guru memang berpengetahuan dalam pelaksanaan PBD di sekolah rendah. Namun demikian, item tujuh yang mempunyai skor min kedua rendah iaitu tahu PBD memberi penekanan kepada bentuk pentaksiran yang mengukur penguasaan kemahiran berbanding penguasaan kandungan mata pelajaran. Pandangan ini selari dengan pandangan Mohd Safarin dan Nur Hidayah (2014), yang menunjukkan bahawa masih ada guru yang tidak pasti dan tidak setuju berkaitan pelaksanaan PBD yang mengukur penguasaan kemahiran berbanding kandungan mata pelajaran.

Secara keseluruhan purata skor min pengetahuan guru ini adalah sederhana tinggi. Walau mungkin kursus dan taklimat telah diadakan di peringkat sekolah namun tidak dinafikan kemungkinan berlaku kecairan maklumat dan keadaan semasa kini menyebabkan tidak semua item berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, purata skor min sederhana tinggi ini adalah menghampiri nilai tahap tinggi.

Analisis Tahap Kemahiran

Hasil dapatan melalui bab empat menunjukkan bahawa skor min tertinggi adalah pada item satu iaitu menetapkan objektif pentaksiran yang hendak diuji semasa membina instrumen pentaksiran. Guru bersetuju semasa membina instrumen pentaksiran menetapkan objektif pentaksiran yang bersesuaian. Dapatan ini selari kajian Wan Rosliza dan Faridah (2017) yang dengan jelas membuktikan yang guru memang berkemahiran dalam melaksanakan PBD. Objektif pentaksiran haruslah selaras dengan instrumen pentaksiran agar potensi murid dapat dikembangkan sesuai kemahiran dan nilai TP yang hendak dicapai.

Manakala skor min yang rendah adalah pada item sepuluh yang merupakan item gangguan iaitu tidak mengendalikan tahap penguasaan dan evidens murid berdasarkan sukatan pelajaran. Ini membuktikan bahawa guru memang berkemahiran dalam mengendalikan TP dan evidens murid berdasarkan sukatan pelajaran (Noor Aini dan Zamri, 2015). Skor min yang kedua rendah adalah item tujuh iaitu memberitahu murid bahawa mereka akan ditaksir sebelum taksiran dilaksanakan.

Secara keseluruhan purata min adalah pada tahap sederhana tinggi. Hanya lima item sahaja yang berada pada tahap tinggi, enam item dalam tahap sederhana tinggi dan satu item dalam tahap rendah. Ini menunjukkan kemahiran guru dalam mempelbagaikan dan mengubahsuai pentaksiran semasa PdP adalah masih berpandukan kepada panduan pentaksiran oleh KPM.

Hubungan yang Signifikan antara Kemahiran Guru Sekolah Rendah dengan Pelaksanaan PBD

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru sekolah rendah dengan pelaksanaan PBD. Walaupun wujudnya hubungan yang positif dalam kajian ini, namun hubungan tersebut berada di tahap yang lemah. Maka, andaian awal pengkaji ialah tidak menepati ramalan kajian. Kepentingan konstruk kemahiran dikaji adalah kerana para guru merupakan asas kepada kejayaan pelaksanaan PBD yang akan membentuk dan melahirkan modal insan yang mampu berdaya saing.

Ini disokong oleh hasil dapatan Sajjad *et al.*, (2019) yang menyatakan kemahiran yang ada pada guru dapat diaplikasikan dalam pelaksanaan pentaksiran dalam kelas. Walaupun, guru tidak mendapat latihan yang khusus berkaitan pelaksanaan PBD, namun dengan kemahiran yang ada guru mampu untuk melaksanakan PBD tersebut. Demikian juga dengan dapatan Sh. Siti Hauzimah (2019), yang mendapati guru mempunyai kemahiran dalam mengendalikan proses PBD. Demikian juga dengan hasil kajian Mohd Safarin dan Nur Hidayah (2014) yang juga mendapati guru mempunyai kemahiran dalam pelaksanaan PBS Kemahiran Hidup Bersepadu.

KESIMPULAN

Dalam kajian ini, didapati bahawa semua guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi berkaitan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya masih berada di tahap sederhana pada ketika kajian ini dijalankan. Ini mungkin disebabkan keadaan semasa pada ketika ini, di mana negara sedang berhadapan dengan pandemik Covid-19. Maka, terdapat kekangan untuk melaksanakan PBD dengan sepenuhnya di peringkat sekolah. Dengan demikian, pembudayaan baru pentaksiran secara alam maya akan menjadi titik tolak dalam melaksanakan PBD di masa akan datang.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Said, A dan Shanti, G. (2017). Tahap Integriti dan Kesediaan Guru dengan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 1-22.
- Afinde Othman. (2016). *Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Guru Membina Item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Instrumen Pentaksiran Pembelajaran*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Arsaythamby Veloo. (2011). Keupayaan Teori dan Pelaksanaan Pentaksiran dalam Pembelajaran. *Journal of Governance and Development*, 8-15.
- Arumugham, K. S. (2019). *Pentaksiran Bilik Darjah dan Kemenjadian Murid: Pengukuran Tahap Perkembangan Pembelajaran Murid dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Conference: Seminar on Malay Education, Literature and Culture. Frankfurt, Germany: Research Gate.
- Azlin Norhaini Mansor, Ong Hee Leng, Mohamad Sattar Rasul, Rose Amnah Raof dan Nurhayati Yusoff. (2013). *The Benefits of School-Based Assessment*. Asian Social Science, 101-106.
- Campbell, C. (2013). *Research on Teacher Competency in Classroom Assessment*. In J. H. McMillan, SAGE Handbook of Research on Classroom Assessment (pp. 71-84). SAGE Publications Asia-Pacific Pte. Ltd.
- Creswell, J. (2008). *Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 3rd Edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Fauziah Yahya. (2016). *Penilaian Kurikulum Sains Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dalam Aspek Konteks, Input, Proses dan Produk*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jacob, R. T., and Parkinson, J. (2015). *The Potential for School-Based Interventions that Target Executive Function to Improve Academic Achievement: A Review: Review of Educational Research*, 512-552.
- Jum Anidar. (2018). *Teori Belajar Menurut Aliran Kognitif Serta Implikasinya dalam Pembelajaran*. UIN Imam Bonjol Padang.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Panduan dan Peraturan Pentaksiran Berasaskan Sekolah*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Safarin Nordin dan Nur Hidayah Ismail. (2014). *Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu*. International Seminar on Technical and Vocational Education, (pp. 475-483).
- Needham, R. (1987). *Teaching Strategies for Developing Understanding in Science. Children's Learning in Science Project*. The University of Leeds: Centre for Studies in Science and Mathematics Education.
- Noor Aini Ahmad and Zamri Mahamod. (2015). Pengubahsuaian dalam Pengajaran Kemahiran Bahasa Malaysia bagi Murid Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 63-73.
- Noor Dayana Abd Halim dan Nurfatim Atikah Kamarudin. (2012). *Aplikasi Teori Konstruktivisme dan Model 5 Fasa Needham dalam Pembelajaran Perisian Chem Mol4*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norshafinaz Abdul Sani dan Faridah Yunus. (2018). Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pranumerasi di Tadika Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 101-110.

- Nurfirdawati Muhamad Hanafi, Othman Lebar dan Eftah Moh@Abdullah. (2009). *Teori Pembelajaran dan Kaitannya dengan Pentaksiran: Dari Perspektif Pendidikan Teknik dan Vokasional*. International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2009 (pp. 1-15). Kuala Lumpur: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sajjad Hussain, Nasir Shaheen, Nasir Ahmad dan Saif UI Islam. (2019). *Teachers' Classroom Assessment Practices: Challenges and Oppurtunities to Classroom Teachers in Pakistan*. Research Gate, 87-97.
- SH. Siti Hauzimah, W. O. (2019). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Masalah Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9, 56-67
- Wan Rosliza Wan A. Rahman dan Faridah Yunus. (2017). *Cabaran dalam Meningkatkan Kemahiran Kognitif Kanak-Kanak Prasekolah: Penaksiran Autentik Sebagai Alternatif*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yuhanis Che Hassan. (2015). *Pengetahuan, Sikap dan Kesedaran Pensyarah dalam Pengamalan Penyelidikan di Politeknik Premier*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Yuslaini Yusuf dan Kamarul Shukri Mat Teh. (2015). Pentaksiran untuk Pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Muaddib*, 81-90.
- Zahari Suppian, Nor Hasnida Che Md Ghazali, Nor Junainah Mohd Isa dan Priyalatha Govindasamy. (2020). Penilaian Kendiri Guru Pelatih Terhadap Tahap dan Kemahiran Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 2(4), 98-106.